

PROFILE COMPANY

About Rumah Manis

Rumah Manis merupakan sebuah jenama tempatan milik Bumiputera yang memfokuskan kepada industri cucian, pembuatan dan pemasaran produk cecair pencuci pakaian berkualiti tinggi.

Perjalanan Rumah Manis bermula pada tahun 2019 melalui penubuhan **Rumah Manis Laundry**, sebuah dobi layan diri yang menawarkan pengalaman cucian yang bersih, selesa dan berkualiti. Pengalaman mengendalikan operasi dobi setiap hari telah memberikan pemahaman mendalam mengenai keperluan pelanggan terhadap produk pencuci pakaian yang benar-benar berkesan, selamat dan sesuai digunakan pada mesin dobi moden (*Front Load & Top Load*).

Hasil daripada pengalaman tersebut, **Rumah Manis Enterprise** telah ditubuhkan pada tahun 2020 sebagai syarikat yang bertanggungjawab dalam pemasaran, jualan dan pengedaran produk jenama Rumah Manis ke seluruh Malaysia melalui saluran *online* dan *offline*.

Bagi memenuhi permintaan pasaran yang semakin berkembang, **Rumah Manis Manufacturing Sdn. Bhd.** telah ditubuhkan pada tahun 2025 sebagai pusat pengeluaran rasmi yang mengkhususkan dalam pembuatan produk cecair pencuci pakaian, perkhidmatan OEM, rebranding serta pembangunan produk untuk usahawan dan syarikat.

Bagi melengkapi ekosistem perniagaan, Rumah Manis turut memperkenalkan **Sixora Cafe**, sebuah kafe yang menawarkan pengalaman menjamu selera dalam suasana moden, selesa dan mesra pelanggan. Sixora diwujudkan sebagai sebahagian daripada usaha Rumah Manis untuk mempelbagaikan portfolio perniagaan serta membina sebuah jenama gaya hidup (*lifestyle brand*) yang mengutamakan kualiti produk, layanan pelanggan dan pengalaman yang bermakna.

Hari ini, Rumah Manis terus berkembang sebagai sebuah kumpulan perniagaan yang merangkumi empat cabang utama iaitu **Rumah Manis Laundry**, **Rumah Manis Enterprise**, **Rumah Manis Manufacturing Sdn. Bhd.** dan **Sixora Cafe**. Dengan slogan “**Menjaga Kualiti Kehidupan Anda**”, Rumah Manis komited untuk terus menghasilkan produk, perkhidmatan dan pengalaman terbaik kepada pelanggan melalui inovasi, kualiti dan penambahbaikan yang berterusan.

VISION

Menjadi jenama pilihan dan peneraju dalam industri produk pencuci pakaian di Malaysia serta pasaran antarabangsa melalui inovasi, kualiti premium dan penyelesaian menyeluruh dalam bidang pembuatan, pemasaran serta perkhidmatan OEM.

MISSION

- *Deliver Premium Quality*
Menghasilkan produk cecair pencuci pakaian yang berkualiti tinggi melalui proses pengeluaran yang moden, efisien dan selamat bagi memastikan setiap produk memenuhi standard kualiti yang konsisten.
- *Customer Satisfaction First*
Memberikan pengalaman terbaik kepada setiap pelanggan dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkualiti, dipercayai serta memenuhi keperluan pengguna dari pelbagai lapisan.
- *Strengthen Quality & Innovation*
Mengamalkan kawalan kualiti yang menyeluruh serta memperkasakan penyelidikan, teknologi dan inovasi bagi menghasilkan produk yang lebih berkesan, selamat dan berdaya saing.
- *Empowe Business Growth*
Menyediakan perkhidmatan OEM, rebranding dan pembangunan produk secara profesional bagi membantu usahawan, pemilik perniagaan dan industri membina jenama mereka sendiri.
- *Expand Market Reach*
Membangunkan rangkaian pemasaran, pengedaran dan jualan yang cekap melalui platform digital, premis fizikal serta kerjasama strategik bagi memperluaskan jenama Rumah Manis ke seluruh Malaysia dan pasaran antarabangsa.
- *Build a Sustainable Business Ecosystem*
Membangunkan ekosistem perniagaan Rumah Manis yang menggabungkan sektor perkhidmatan dobi, pembuatan, pemasaran serta penyelesaian perniagaan secara mampan demi memberikan nilai terbaik kepada pelanggan, rakan niaga dan masyarakat.

WHERE TO FIND US

- Rumah Manis Manufacturing Sdn. Bhd.
Lot J04, Kedah Halal Park Lot 5,
Kawasan Perindustrian,
08000 Sungai Petani,
Kedah.
- Rumah Manis Laundry
No. 7, Jalan Peruda,
Taman Berlian,
08000 Sungai Petani,
Kedah.
- Rumah Manis Smart Shop
G/12,
Medan Selera Taman Ria,
08000 Sungai Petani,
Kedah
- SixOra Cafe
No. 8, Jalan Peruda,
Taman Berlian,
08000 Sungai Petani,
Kedah

CONTACT US

Phone

011-2842 2607

Official Email

rumahmanisofficial@gmail.com

Manufacturing Email

rumahmanis.mfg@gmail.com

Marketing Email

rumahmanis.marketing@gmail.com